

**KENALI AKTA 174**  
**KAEDAH 26A**

1. Apakah yang dimaksudkan sebagai Notis Denda.

Notis denda adalah termasuk dalam hukuman secara terus yang dikenakan ke atas kesalahan - kesalahan yang tidak memerlukan perbicaraan tatatertib.

Sebagaimana pekeliling dari Sektor Pengurusan Politeknik KPT.JPKK.603-1/2/1 (14) bertajuk Edaran Perintah Kaedah - Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar - Pelajar) (Pindaan 2007) dinyatakan dengan jelas bahawa:

1. (1) Perintah ini boleh dinamakan Perintah-perintah kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-pelajar) (Pindaan 2009)
- (2) Perintah ini berkuatkuasa 1 Januari 2009

Kaedah baru 26A

(4) kaedah - kaedah itu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 26 kaedah yang berikut:

"hukuman tataertib terus oleh pihak berkuasa tatatertib 26A.

(1) Pihak berkuasa tatertib boleh, pada budibicaranya, sebagai ganti mengambil tindakan tattertib dibawah bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus, dengan amaran atau denda tidak melebihi lima puluh ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan kesalahan tattertib di bawah perenggan 3 (i), kaedah-kaedah 6, 21, 22, 23 dan 25 dengan kehadiran atau pendapat pihak berkuasa tatatertib:

(2) setelah penganan hukuman yang tersebut dalam perenggan 1, pihak berkuasa tatatertib hendaklah, dengan serta merta menyerahkan kepada pelajar suatu Notis bertulis mengenai hukuman yang dikenakan itu dalam suatu borang mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai hal Ehwal Pelajar, dan jika hukuman itu ialah denda, peruntukan kaedah kaedah 63 dan 64 hendaklah terpakai.

Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah 63 dan 64?

Kaedah 63: jika pihak berkuasa tatertib mengenakan hukuman denda ke atas pelajar, pihak berkuasa hendaklah menyatakan tempoh denda itu dikehendaki dibayar dan pelajar pelajar itu hendaklah membayar denda itu kepada Bursar.

contoh: kalau pelajar anda dikenakan hukuman itu, pelajar anda hendaklah membayarnya di Unit Kewangan Politeknik.

Kaedah 64: Jika pelajar itu tidak membayar denda dalam tempoh yang ditentukan di bawah kaedah 61, ia hendaklah selepas sahaja daripada itu digantung daripada menjadi pelajar institusi dan tidak boleh selepas itu berada atau memasuki kampus, pengantungan itu haruslah berterusan sehinggalah denda itu dibayar.

2. Apakah pelajar saya berpeluang membuat rayuan bagi denda tersebut?

Ya, pelajar anda boleh membuat rayuan bagi mengurangkan denda tersebut dengan berjumpa Pegawai Hal Ehwal Pelajar di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dalam tempoh masa 7 hari bekerja dari tarikh anda didenda dan anda mesti membayar denda tersebut dalam tempoh masa 14 hari bekerja dari tarikh anda didenda.

3. Dimana pelajar saya perlu menjelaskan denda tersebut?

Pelajar anda boleh menyelesaikan denda anda di kaunter Unit Kewangan Politeknik dan mendapatkan resit rasmi pembayaran (resit tersebut hendaklah disimpan sebagai rujukan pelajar anda bila diperlukan). Pelajar anda juga dinasihatkan berjumpa dengan pegawai di JHEP bagi menyerahkan no rujukan atau no resit rasmi sebagai bukti pembayaran.

4. Apa akan berlaku jika pelajar anda tidak membayar denda?

Kegagalan pelajar anda membayar denda akan menyebabkan pelajar anda digantung pengajian sebagaimana peruntukkan dalam AKTA 174 kaedah 64.

5. kaedah - kaedah:

kaedah 6: Berkaitan pakaian dan rupa diri

Kaedah 21: Kebersihan dalam kampus ( termasuklah kediaman pelajar)

kaedah 22:: Ganguan bunyi bising yang mengganggu.

kaedah 23: menggunakan mana - mana bangunan atau premis sebagai tempat tidur selain dari tempat yang dibenarkan

Kaedah 25: Kad pelajar

Ruslan Abdul Jalil  
Pegawai Disiplin Politeknik  
Politeknik Merlimau